



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008**

### **PPJ RANGKUL ANUGERAH TERTINGGI 'EXCELLENT' DALAM KONVENSYEN IQPC2023**

**PUTRAJAYA, 7 September 2023** – Perbadanan Putrajaya melalui dua (2) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah merangkul Anugerah Tertinggi 'Excellent' dalam International Quality and Productivity Convention (IQPC) 2023 yang telah berlangsung pada 4 hingga 7 September 2023 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

Kedua-dua pasukan yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perkhidmatan Korporat (Kumpulan CORP-X) dan Jabatan Perkhidmatan Bandar (Kumpulan NViro-x) telah membentangkan projek inovasi masing-masing pada 5 dan 6 September 2023. Berikut adalah tajuk projek yang telah memenangi anugerah tersebut:

- 1) Kumpulan CORP-X: *Synergizing Services for Maximum Efficiency Through Comprehensive Mechanism for Putrajaya City* (Putrajaya Command Centre, PCC)
- 2) Kumpulan NViro-x: *Inefficiency in Control Activity of Stray Dogs and Cats on Site* (Smart Trap-Tracker)

Penjurian bagi setiap pasukan tertumpu kepada 10 kriteria penilaian yang membawa kepada 10 markah bagi setiap kriteria, Antara kriteria penilaian adalah pemilihan masalah/isu, penggunaan kaedah analisis masalah, kreativiti, proses pelaksanaan projek, impak dan pengurusan masa pembentangan.

Penganjuran IQPC pada tahun ini diuruskan oleh Indonesia Quality Productivity Management Association (IQPMA) dan Wahana Kendali Mutu (WKM) serta disokong oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Sebanyak 93 pasukan daripada 7 buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Filipina, Thailand, Zambia dan Sri Lanka telah

menyertai konvensyen ini dan Malaysia telah diwakili oleh 17 pasukan daripada pelbagai agensi serta syarikat swasta.



**(TR. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)**

**Pengarah**

**Bahagian Komunikasi Korporat**

**Jabatan Perkhidmatan Korporat**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 11 September 2023

---

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani binti Kaulan di talian 019-3831564